

## **MEDIA SOSIAL DAN AGAMA ISLAM: PENGGUNAAN DAN KEBERKESANAN**

Aiman Iqmal Bin Abu Bakar<sup>1</sup>  
Mohammad Farhan Bin Haris<sup>2</sup>  
Muhammad Hilman Bin Harif<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: [aimaniqmal@raudah.usim.edu.my](mailto:aimaniqmal@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (Email: [farhanharis@raudah.usim.edu.my](mailto:farhanharis@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: [hilmanharif@raudah.usim.edu.my](mailto:hilmanharif@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my))

### **ABSTRAK**

Media Sosial merupakan salah satu platform yang digunakan untuk mencari segala maklumat penting dalam pelbagai bidang terutama berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Media sosial juga sering digunakan untuk berkongsi maklumat, idea, dan konten dengan pengguna lain secara dalam talian. Media sosial memainkan peranan penting dalam menyediakan platform untuk berkomunikasi, berkongsi pengalaman, dan membentuk hubungan dalam dunia maya. Namun begitu, ramai pengguna yang menggunakan media sosial ini secara negatif khususnya dalam menyebarkan maklumat yang penting. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membuka mata kepada pengguna media sosial terutama dalam kalangan masyarakat islam tentang cara memanfaatkan penggunaannya serta mengukur tahap penggunaannya sama ada positif ataupun negatif. Kajian kuantitatif akan dilaksanakan dengan cara soal selidik. Hasil kajian mendapati masyarakat islam di Malaysia khususnya mampu menggunakan media sosial ini secara positif dan memanfaatkannya dari segala penjuru sudut. Kesimpulannya, media sosial telah peranan sangat penting sebagai platform utama dalam menzahirkan informasi terutama dalam bidang ilmu keagamaan. Kewujudan media sosial jelas sebagai satu jalan dalam mengembangkan agama islam dengan cara pelbagai caranya yang sangat kreatif dan berinovasi. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberikan banyak manfaat kepada semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum dan agama di luar sana dalam memanfaatkan wadah media sosial ini kepada perkara yang positif supaya kehidupan kita dalam hidup dalam keadaan aman damai walaupun di alam maya.

**Kata Kunci:** Media, Sosial, Media Social, Agama Islam.

### **Pengenalan**

Pada asasnya, media sosial adalah sebahagian daripada pembangunan internet. Di mana kehadirannya telah membolehkan media sosial berkembang dan berkembang secara meluas dan cepat. Inilah yang menjadikan semua pengguna yang disambungkan kepada sambungan internet dapat menjalankan proses penyebaran maklumat atau kandungan pada bila-bila masa

dan di mana sahaja. Media sosial juga kini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita yang tidak dapat dipisahkan. Ia bukan sahaja berguna sebagai sumber hiburan, tetapi juga sebagai bentuk pembelajaran yang penting. Setiap orang akan mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Terdapat juga pendapat umum bahawa media sosial hanya akan membuang masa kerana ia mengalihkan fikiran marhean. Walau bagaimanapun, ini tidak selalu berlaku. Jika kita lihat, ramai pengguna internet terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari pelbagai kaum dan bangsa.

Media sosial nampaknya telah mempengaruhi cara masyarakat belajar dan diajar. Malah, dalam era digital ini, tidak dapat dinafikan media sosial sudah menjadi satu keperluan hidup bagi kebanyakan orang. Di mana media sosial memainkan peranan penting dalam hampir semua lapisan masyarakat. Bermula dari menghantar mesej kepada rakan-rakan, berkongsi maklumat, sehinggalah untuk mengetahui maklumat yang sedang dibincangkan. Jadi, tidak hairanlah jika ada yang beranggapan bahawa media sosial telah menjadi keperluan penting untuk semua orang. Kehadiran media sosial telah memberikan banyak kesan yang ketara. Lebih-lebih lagi di zaman serba moden ini. Media sosial telah memadamkan jarak antara manusia, jadi ia cukup berkesan dalam memendekkan masa untuk berkomunikasi. Dalam masa yang sama, penggunaan media sosial yang bijak dan baik sewajarnya perlu diperlakukan dan diperkukuhkan bagi memastikan manfaat kepada individu, masyarakat dan pihak yang lain terutamanya masyarakat islam di Malaysia. Justeru, artikel ini akan mengkaji kekerapan dan penggunaan masyarakat islam dalam media social. Kajian ini juga akan mengkaji cara memanfaatkan penggunaan media sosial ke atas masyarakat dengan cara yang paling efisien dan sistematik agar masyarakat dapat menggunakannya dengan cara yang betul berpandukan ajaran islam.

## **Kajian Literatur**

Terdapat 5 perkara yang akan dibincangkan dalam kajian literatur, antaranya:

### ***Definisi Media Sosial***

Media sosial: Perspektif komunikasi, budaya dan sositeknologi yang ditulis oleh Dr. Rulli Nasrullah menjelaskan bahawa Media sosial ialah medium di internet yang membolehkan pengguna untuk menonjolkan diri, berinteraksi, bekerjasama, berkongsi, dan berkomunikasi dengan pengguna lain untuk membentuk ikatan sosial secara maya. Dalam media sosial, tiga bentuk yang merujuk kepada makna bersosial adalah pengenalan (*cognition*), komunikasi (*communicate*), dan kerjasama (*cooperation*).

Manakala, menurut Meike dan Young dalam Nasrullah menjelaskan bahawa media sosial adalah sebagai perantaraan antara komunikasi personal dalam makna saling berbagi diantara individu (*to be share one-to-one*) dan media umum untuk memberikan maklumat kepada sesiapa sahaja tanpa ada pengecualian.

Seterusnya, buku kapita selekta komunikasi yang ditulis oleh Suryanto menyatakan bahawa media sosial sebagai alat atau medium secara online, ia berfungsi untuk menjalinkan hubungan antara pengguna sehingga dapat membentuk ikatan sosial. Ia juga merupakan cara untuk menjadi manusia biasa. Manusia biasa di sini dimaksudkan sebagai individu yang senang bertukar idea, berbincang, dan bekerja sama untuk menghasilkan suatu yang baharu, sehingga termasuklah dapat bertemu orang yang dapat dijadikan kawan, pasangan, dan kumpulan.

Akhir sekali, menurut Arum Wahyuni dalam karyanya efektivitas media sosial sebagai media promosi mengatakan bahawa media sosial adalah sebuah media online dan sebuah kelompok aplikasi yang menggunakan internet bagi membangunkan dasar ideologi dan teknologi. Ia juga memungkinkan penciptaan dan pertukaran (*user-generated content*).

### ***Peranan Media Sosial dalam Islam***

Terdapat kajian yang ditulis oleh Zainab Zakirah Abdul Halim, Dania Salsabila Azmi, Nurazmallail Marni jurnal bertajuk "Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam." Kajian ini membincangkan tentang trend penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek yang merangkumi aspek perniagaan, penyebaran maklumat, ideologi, dan dakwah terkini serta dijadikan platform atau pengantara untuk sistem pendidikan era millennium. Hasil daripada kajian perpustakaan, terdapat enam tajuk utama yang dibincangkan iaitu media sosial sebagai platform merapatkan silaturahmi antara masyarakat dan kerajaan, media sosial sebagai alat menyampaikan ilmu dan ideologi, media sosial sebagai platform perniagaan, media sosial sebagai alat dakwah dan penyebaran maklumat, media sosial sebagai platform memupuk talian persahabatan dan silaturahmi, dan media sosial sebagai platform pendidikan.

Dalam penelitian Adi Wibowo bertajuk "Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam Di Era Digital," penulis memberikan penjelasan tentang peranan dakwah bukan hanya bertukar dari mimbar ke mimbar, malah pendakwah semakin kreatif dalam menyampaikan nilai-nilai pendidikan Islam melalui akaun media sosial yang boleh diakses dengan mudah melalui telefon pintar, daripada penggunaan telefon pintar yang meluas atau telefon pintar sebagai alat komunikasi, penggunaan telefon bimbit bukan sahaja terhadap menghantar mesej dan bercakap melalui telefon tetapi juga kemudahan lain. Satu lagi contoh penggunaan media dalam talian ialah penggunaan media sosial seperti Facebook. Setakat ini, Facebook merupakan salah satu media dakwah yang prospektif dan berkesan untuk berdakwah melalui penulisan. Bukan sahaja teks, Facebook juga menawarkan ciri unik, ringkas dan mudah difahami, seperti ciri permintaan rakan, pemberitahuan, mesej (mesej bertulis terus kepada pemilik akaun), halaman yang disyorkan, nota, album foto,, komen dan sebagainya. Kesemua ini adalah ciri-ciri yang cukup mudah digunakan terutama apabila diaplikasikan sebagai wadah penyebaran dakwah Islamiah.

Tambahan pula, dalam tulisannya yang bertajuk "Media Sebagai Wasilah Dakwah" oleh Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad menyatakan melalui

penggunaan media, pelbagai keperluan harian umat Islam dapat direalisasikan oleh umat Islam sendiri sesuai dengan keutamaan kontemporari yang selari dengan ajaran Islam, dan ini merupakan pilihan alternatif bagi umat Islam masa kini. Penggunaan media dalam konteks Islam seharusnya menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai garis panduan utama dalam kehidupan mereka. Peranan media dalam Islam mestilah menonjolkan prinsip-prinsip yang selari dengan ajaran yang ditetapkan oleh Islam. Namun begitu, menurut Ghazali dalam mendepani realiti semasa umat Islam dan cabarannya, peranan media maklumat Islam tertumpu kepada lima aspek terpenting iaitu menyebarkan Islam dan menerangkan kebenaran kepada umum, mempertahankan isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat, menggunakan pendekatan dan kaedah yang bijak dalam menjayakan proses komunikasi yang berkesan, melancarkan perang saraf menentang musuh sebagai salah satu cara propaganda untuk menangkis serangan media Barat dan melemahkan hujah dan pendirian mereka di samping mengukuhkan sasaran dan perspektif Islam dan menghadapi perang media propaganda asing dan melindungi ummah daripada usaha yang mengelirukan.

### ***Isu Penggunaan Media Sosial***

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman menjalankan kajian penyelidikan bertajuk "Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam" Jurnal ini mengupas kajian Kemajuan teknologi masa kini yang menjadi pendorong kepada perkembangan media sosial baharu sekaligus telah mempengaruhi budaya dan kehidupan manusia seharian. Walaupun demikian, kemajuan terbaru ini juga menghasilkan masalah terkait penyalahgunaannya. Tanpa panduan dari nilai-nilai Islam dan etika berkomunikasi, pelbagai pelanggaran telah terjadi. Dengan itu, kajian ini akan membahaskan isu-isu terkait penyalahgunaan media sosial baharu dan memberikan panduan untuk menanganinya. Hasil kajian menunjukkan adanya berbagai isu atau kasus terkait penyalahgunaan media sosial baharu yang dilaporkan, dan pada dasarnya, ditemukan bahwa pengguna media sosial perlu menerapkan akhlak Islam dalam berinteraksi di platform tersebut agar ekosistem wacana digital dapat diwujudkan.

Dalam jurnal "Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang" terbitan Mohd Mokhtarishah Bin Mohamed Mokhtar & Hasmadi Bin Hj. Hassan, fokus kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan implikasi mesej dakwah yang diperolehi daripada media sosial. Kajian ini dicadangkan setelah melihat kerancakan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan penularan dakwah bebas tanpa terkawal melalui media sosial yang dikhuatiri boleh mengundang kekeliruan, terpedaya, penyebaran ajaran sesat dan fahaman ekstremisme. Masyarakat bimbang dengan kesahihan kandungan mesej dakwah dan belum berpuashati dengan kualitasnya. Sampel kajian seramai 100 responden yang terdiri daripada penduduk Kampung Beserah, Kuantan. Satu set soal selidik yang mengandungi 46 item dibina oleh penyelidik berdasarkan sumber-sumber kajian dan telah diedarkan kepada responden. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada mengenalpasti penggunaan media sosial sebagai medium dakwah

dan mempertingkatkan lagi kandungan dan kualiti mesej dakwah untuk diadaptasi dalam kehidupan seharian.

### ***Etika Komunikasi Dalam Media Sosial***

Islam Dan Etika Bermedia (Kajian Etika Komunikasi Netizen di Media Sosial Instagram Dalam Perspektif Islam) oleh Maya Sandra Rosita Dewi menjelaskan bahawa media sosial sering kali menjadi platform di mana orang meluahkan segala aktiviti mereka, dan ini kadang-kadang dilakukan tanpa memperhatikan pelbagai etika yang sedia ada. Terlihat dari penggunaan bahasa yang tidak formal dan tidak baku dalam berkomunikasi. Komunikasi merupakan suatu proses penyampaian informasi dari satu pihak kepada pihak lain, dan keberhasilannya tergantung pada kemampuan pesanan untuk difahami dengan baik oleh penerima. Etika komunikasi yang baik di media sosial, misalnya, melibatkan larangan menggunakan kata-kata kasar dan provokatif. Dalam perspektif Islam, komunikasi bukan sekadar menyampaikan pesanan, tetapi juga merubah sikap dan perilaku komunikan. Lebih dari itu, komunikasi Islam bertujuan untuk menyampaikan kemaslahatan dan kemuliaan antara komunikator dan komunikan. Sebagai hasilnya, komunikasi Islam dianggap lebih baik dibandingkan dengan pendekatan komunikasi Barat. Komunikasi tidak hanya mempengaruhi kelanjutan hidup manusia, tetapi juga memainkan peranan penting dalam kualitas hubungan interpersonal. Oleh karena itu, komunikasi yang berakhlak karimah atau beretika, yang sesuai dengan prinsip-prinsip Islam, dianggap sebagai bentuk komunikasi yang paling diinginkan dan berpengaruh positif. Etika komunikasi tidak hanya tentang cara kita menggunakan kata-kata dengan baik, tetapi juga berasal dari niat yang tulus yang dinyatakan melalui ketenangan, kesabaran, dan empati selama berkomunikasi, seperti yang diungkapkan oleh Corry. Dengan demikian, jenis komunikasi ini dapat menciptakan pertukaran yang saling menghargai, memberikan perhatian, dan memberikan dukungan antara pihak-pihak yang terlibat dalam komunikasi.

Seterusnya, dalam artikel Etika Komunikasi di Media Sosial oleh Uud Wahyudin, Kismiyati El Karimah menyatakan bahawa media baru atau lebih dikenali sebagai media sosial kini telah menjadi platform untuk meluahkan kemarahan, kebencian, penghinaan, perundungan siber, dan bentuk-bentuk komunikasi yang bertentangan dengan prinsip berkomunikasi. Fenomena ini tidak terbatas kepada isu politik dan sosial sahaja, tetapi juga melibatkan isu-isu agama, perkauman, malah masalah peribadi turut menjadi sebahagian daripada kegemparan di media sosial. Walau bagaimanapun, seharusnya media sosial sepatutnya berperanan sebagai saluran untuk memfasilitasi dialog yang sihat dan mencapai harmoni dalam berkomunikasi. Sejatinya, media sosial sepatutnya menjadi medium yang memupuk proses dialog dan membuka ruang untuk menyebarkan idea secara rasional serta menenangkan.

Manakala, dalam artikel Etika Komunikasi Dalam Menggunakan Media Sosial oleh Tuty Mutiah, Ilham Albar, Fitriyanto, A.Rafiq menjelaskan bahawa komunikasi

dalam media sosial sering kali menggunakan bahasa yang tidak formal. Salah satu faktor penyebabnya adalah ketidakjelasan identitas lawan bicara dan posisinya di dunia maya, meskipun banyak orang yang sebelumnya telah berinteraksi dan bertemu di dunia nyata, dan kemudian melanjutkan komunikasi ke media sosial. Bahasa yang digunakan di media sosial tidak bersifat rasmi seperti dalam penulisan artikel ilmiah, jurnal, dan tesis. Pengguna media sosial jarang sekali atau bahkan hampir tidak pernah menulis status sesuai dengan Ejaan Yang Disempurnakan (EYD), padahal penulisan yang baku sangat penting untuk menjaga etika dalam berkomunikasi antara pengguna media sosial. Saat ini, proses komunikasi menjadi lebih mudah dengan adanya komunikasi bermedia, khususnya melalui media sosial seperti yang diteliti dalam kajian ini. Penggunaan media sosial perlu dilakukan dengan pertimbangan yang matang, dengan mematuhi etika komunikasi yang telah ditetapkan.

### ***Manfaat Media Sosial***

Pemanfaatan Media Sosial Sebagai Media Pembelajaran Pendidikan Agama Islam oleh Meilisa Sajdah, Halen Dwistia, Nisa Elfina, Octa Awaliah telah menyatakan bahawa media sosial mempunyai impak yang baik dalam proses sosialisasi di kalangan penggunaannya, namun pada masa yang sama, ia juga berpotensi mencetuskan kesan yang merugikan dalam kehidupan nyata. Fenomena ini kemudiannya menyebabkan perubahan dalam kebolehan pelajar untuk belajar dan memahami kaedah pembelajaran, termasuk kemahiran akademik dan personaliti. Adalah jelas bahawa sebahagian besar aktiviti harian kita kini melibatkan penggunaan media sosial. Kehadiran media sosial memberikan pelbagai kesan positif kepada kehidupan manusia. Antara kesan positifnya; media sosial memainkan peranan penting dalam memfasilitasi komunikasi jarak jauh. Dengan platform seperti Facebook, Twitter, dan Instagram, pengguna dapat berinteraksi dengan rakan-rakan dan keluarga tanpa mengira lokasi geografi, memperkuat hubungan sosial. Selain itu, media sosial juga menyediakan akses mudah kepada maklumat dan berita terkini. Pengguna boleh mendapatkan informasi tentang perkembangan terkini dalam pelbagai bidang seperti berita, hiburan, dan isu terkini melalui platform ini. Dengan demikian, media sosial dapat dianggap sebagai satu set alat komunikasi yang membawa pelbagai peluang untuk interaksi baru.

Pemanfaatan Media Sosial Untuk Efektifitas Komunikasi oleh Ahmad Setiadi menjelaskan bahawa, media sosial ialah platform di dalam internet yang membolehkan pengguna untuk merepresentasikan diri, berinteraksi, bekerjasama, berkongsi, dan berkomunikasi dengan pengguna lain. Dalam konteks media sosial, terdapat tiga bentuk yang merujuk kepada aspek bersosial, iaitu pengenalan (*cognition*), komunikasi (*communicate*), dan kerjasama (*cooperation*). Tidak dapat dipertikaikan bahawa pada masa kini, media sosial telah menjadi cara baru masyarakat berkomunikasi, memberikan impak yang besar pada pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Kehadiran media sosial turut membawa kesan yang sangat penting dalam cara komunikasi dilakukan.

Akhir sekali, manfaat media sosial untuk kehidupan sehari-hari oleh Nandy menyatakan terdapat pelbagai manfaat yang diperoleh oleh setiap individu jika

menggunakannya. Antaranya ialah bebas berkomunikasi dengan semua tanpa adanya batasan jarak, dapat mengenali dan berkawan dengan orang baru, mempromosikan produk atau bisnes yang perlbagai terhadap usahawan dan sebagainya. Manfaat yang diperolehi dari media sosial ini memberikan impak yang sangat positif dan besar dalam menghasilkan modal insan yang produktif dan berjaya.

### **Objektif Kajian**

- i. Mengukur tahap kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat islam di Malaysia.
- ii. Mengenalpasti kesan media sosial ke atas individu muslim di Malaysia.
- iii. Memberi pendedahan tentang cara memanfaatkan media sosial ke arah tujuan keagamaan.

### **Persoalan Kajian**

- i. Berapakah tahap kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat islam di Malaysia?
- ii. Adakah media sosial memberi kesan yang positif atau negatif ke atas individu muslim di Malaysia?
- iii. Bagaimanakah cara memanfaatkan penggunaan media sosial ke arah tujuan keagamaan?


### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan dalam suatu kajian. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat umum di Malaysia.

### **Dapatan analisis**

Dapatan kajian mendapati penggunaan media sosial mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap nilai Agama Islam. Penggunaan media sosial ini juga sangat memberikan masyarakat pelbagai impak yang positif mahupun negatif jika tidak menggunakannya dengan berpandukan cara yang betul dan wajar.

## Paparan media sosial yang positif




Paparan di atas merupakan contoh positif penggunaan media sosial dalam agama Islam yang diambil daripada WhatsApp, TikTok dan Youtube. Konten positif bukan sahaja dalam bentuk teks malah, ianya juga boleh dalam bentuk tayangan video, animasi dan sebagainya. Pelbagai kaedah dan inovasi telah diciptakan dalam mewarnai keindahan dalam bermedia sosial. Dalam masa yang sama, ianya juga mampu menarik perhatian pelbagai masyarakat untuk melihat konten tersebut. Namun yang demikian, terdapat tanda tanya bahawa benarkah penggunaan media sosial yang sedang maju kini dapat memberikan kesan positif yang lebih banyak daripada kesan negatif kepada masyarakat di dunia terutamanya untuk masyarakat Islam di Malaysia?

## Demografi Responden

Dengan wujudnya tanda tanya di atas, pengkaji telah melakukan kajian yang diedarkan kepada masyarakat Malaysia melalui medium media sosial. Kaji selidik ini adalah untuk mengukur kekerapan penggunaan media sosial, mengenalpasti kesannya terhadap masyarakat serta mengenalpasti cara mereka memanfaatkannya ke arah keagamaan.

1. Adakah anda seorang pengguna media sosial?

122 responses




**Rajah 1 : Pengguna media sosial**

Dalam kajian ini, seramai 122 responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam soal selidik bagi mendapatkan dapatan kajian. Data merekodkan keseluruhan mereka adalah pengguna media sosial seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1 di atas.

2. Berapa anggaran masa anda menggunakan telefon/gadget dalam seharian?

122 responses




**Rajah 2 : Anggaran penggunaan telefon/gadjet dalam seharian**

Manakala, rajah 2 menunjukkan carta pai yang menunjukkan anggaran penggunaan telefon/gadjet dalam seharian. Seramai 20 responden (16.4%) menyatakan penggunaan telefon/gadjet mereka kurang daripada 3 jam. Majoriti pula adalah kurang dari 6 jam telah dijawab oleh 45 responden (36.9%). Bakinya pula seramai 24 responden (19.7%) bagi kurang 9 jam, seramai 22 responden (18%) bagi kurang 12 jam dan terakhir seramai 11 responden (9%) yang menggunakan telefon/gadjet lebih daripada 12jam merangkap jumlah minoriti di dalam carta pai.

### 3. Apakah aplikasi media sosial yang sering anda gunakan?

122 responses




**Rajah 3 : Aplikasi media sosial yang sering digunakan**

Selain itu, rajah 3 menunjukkan aplikasi media sosial yang mereka sering gunakan. Majoriti menunjukkan bahawa aplikasi WhatsApp telah digunakan paling ramai responden iaitu 115 responden (94.3%). Aplikasi Tiktok pula sebagai tangga kedua penggunaannya selepas WhatsApp dengan seramai 80 responden (65.6%) dan ketiga adalah aplikasi Instagram 66 responden (54.1%). Seterusnya, aplikasi Telegram 59 responden (48.4%) diikuti aplikasi Facebook 51 responden (41.8%). Terdapat jumlah kecil penggunaan aplikasi Twitter/X 12 responden (9.8%) diikuti aplikasi Youtube 3 responden (2.5%) sahaja. Terakhir adalah penggunaan aplikasi WeChat adalah 0 responden (0%).

### 4. Berapa lamakah anda menggunakan aplikasi media sosial tersebut dalam sehari?

122 responses




**Rajah 4 : Anggaran penggunaan aplikasi media sosial tersebut**

Rajah 4 menunjukkan anggaran penggunaan aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Instagram, Tiktok dan sebagainya seperti di rajah 3. Dalam carta pai, telah menunjukkan majoriti 43 responden (35.2%) menggunakannya kurang 6 jam diikuti oleh kurang 3 jam seramai 41 responden (33.6%). 20 responden (16.4%) pula menganggarkan penggunaan media sosial mereka adalah kurang 9 jam diikuti kurang 12 jam seramai 12 responden (9.8%).

Akhir sekali penggunaan lebih 12 jam sebagai minority dalam carta pai adalah seramai 6 responden (4.9%) sahaja.

5. Adakah penggunaan media social memberikan impak positif kepada anda?

122 responses




**Rajah 5 : Kajian impak positif terhadap media sosial**

Dalam kajian ini, majoriti 68 responden (55.7%) setuju dengan nilai positif di dalam media sosial manakala 33 responden (27%) menganggap ianya biasa. Malahan, 15 responden (12.3%) sangat setuju dengan nilai positif sosial media. Akhir sekali, dicatatkan bahawa 6 responden (4.9%) menyatakannya tidak setuju.

6. Adakah anda menggunakan media social untuk tujuan keagamaan?

122 responses




**Rajah 6 : Kajian penggunaan media sosial untuk tujuan keagamaan**

Kajian seterusnya pula mengkaji penggunaan media sosial untuk tujuan keagamaan. Majoriti 71 responden (58.2%) dicatakan setuju menggunakan platform media sosial sebagai medium keagamaan diikuti 32 responden (26.2%) sangat setuju untuk ianya dijadikan platform keagamaan. Terdapat juga 18 responden (14.8%) menyatakan bahawa media sosial untuk tujuan keagamaan adalah biasa dan terakhir 1 responden (0.8%) tidak setuju untuk menjadikan media sosial sebagai tujuan keagamaan.

### 7. Bgaimanakah anda memanfaatkan media social untuk tujuan keagamaan?

122 responses




**Rajah 7 : Cara memanfaatkan media sosial**

Selepas itu, cara memanfaatkan media sosial. Majoriti 90 responden (73.8%) memanfaatkan media sosial dengan menyebarkan konten agama sedia ada diikuti 74 responden (60.7%) memanfaatkan dengan cara menonton konten keagamaan. Malahan, 48 responden (39.3%) menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan positif. 20 responden (16.4%) menggunakan Hashtag/Tren, 11 responden (9%) membuat konten agama yang baru, 6 responden (4.9%) mengadakan live streaming acara keagamaan. Akhir sekali, 3 responden (2.5%) memanfaatkan media sosial sebagai platform soal jawab agama.

### 8. Apakah tanggapan anda terhadap masyarat islam kini dalam memanfaatkan konten keagamaan dalam media social?

122 responses



**Rajah 8 : Kajian tanggapan terhadap masyarakat islam dalam memanfaatkan konten keagamaan**

Dalam carta pai yang terakhir, majoriti 54 responden (44.3%) menyatakannya baik diikuti oleh 45 responden (36.9%) menyatakannya pula adalah sangat baik. Namun, 22 responden (18%) hanya menyatakannya biasa dan malangnya terdapat 1 responden (0.8%) menyatakannya adalah teruk.

## **Perbincangan**

Berdasarkan dapatan analisis, dapat disimpulkan bahawa kebanyaakan masyarakat khususnya masyarakat islam kerap dalam menggunakan platform media sosial yang pelbagai bagi mendapatkan dan mengkongsikan maklumat dan ilmu yang penting. Mereka juga telah memanfaatkan media sosial sebagai wadah keagamaan dan bukan hanya mengfokuskan kepada perkara duniawi semata-mata walaupun islam tidak mewajibkannya. Namun dengan kurniaan akal fikiran yang istimewa oleh Yang Maha Kuasa, mereka dapat memilih jalan yang lebih baik dalam kehidupan seharian mereka dengan meminimumkan amalan yang sia-sia. Bukan itu sahaja, masyarakat islam juga mampu mencipta pelbagai inovasi seperti yang dilihat dalam media sosial kini berkaitan wadah keagamaan bagi menarik perhatian masyarakat bukan islam. Oleh itu, hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa medium media sosial ini kerap digunakan oleh masyarakat islam serta ianya dimanfaatkan dengan sangat baik.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan dalam mengikuti arus kemodenan pada era ini, banyak kemudahan telah dibangunkan dan diciptakan bagi memudahkan seseorang individu membuat pencarian maklumat mengikut kemahuan sendiri. Teknologi yang semakin maju dan canggih ini memberi kesan kepada kehidupan masyarakat bergerak mengikuti perkembangannya agar tidak ketinggalan. Di samping itu, adalah sangat bermanfaat untuk menjadikan platform media sosial ini sebagai suatu jalan untuk kita menggunakannya sebagai pencarian maklumat atau penyebaran maklumat. Namun, sebagai seorang muslim yang baik, kita hendaklah sentiasa merujuk sumber yang asal dan sentiasa berhati-hati sekiranya ingin menyebarkan sebarang maklumat kepada masyarakat umum. Walaupun kemudahan dan aplikasi dalam talian yang dibangunkan mudah diakses dan mempunyai banyak faedah sendiri, ia tidak lari daripada kekurangan yang turut muncul bersama dengan faedah yang dimiliki.

## **Rujukan**

Adi Wibowo (2019), "Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam Di Era Digital," *Jurnal Islam Nusantara*, Vol. 3, No. 02, 339-356.

Ahmad Setiadi (2015). Pemanfaatan Media Sosial Untuk Efektifitas Komunikasi.

Arum Wahyuni (2017). Efektivitas media sosial sebagai media promosi.

Ghazali Sulaiman. 2007. *Media Komunikasi Islam*. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail dan Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UITM.

Maya Sandra Rosita Dewi, 2019, *Islam Dan Etika Bermedia (Kajian Etika Komunikasi Netizen di Media Sosial Instagram Dalam Perspektif Islam): Serengan Kota Surakarta.*

Meike dan Young (2015). Nasrullah.

Meilisa Sajdah, Halen Dwistia, Nisa Elfina, Octa Awaliah, 2022, *Pemanfaatan Media Sosial Sebagai Media Pembelajaran Pendidikan Agama Islam: Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Ibnu Rusyd Kotabumi.*

Mohd Mokhtarishah Bin Mohamed Mokhtar & Hasmadi Bin Hj. Hassan (2021), "Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk Kampung Besarah, Kuantan, Pahang", *International Journal of Humanities Technology And Civilization*, Vol 6(1), 41-48.

Mutiah, T., Albar, I., Fitriyanto, A. R., & Rafiq, A. (2019). Etika Komunikasi dalam menggunakan Media Sosial. *Jurnal Global Komunika*, 1(1), 14-24.

Najidah Zakariya dan Abu Dardaa Mohamad (2013), "Media Sebagai Wasilah Dakwah", *Al Hikmah*, Vol. 5, 1985-6822.

Rulli Nasrullah (2015). *Media sosial : Perspektif komunikasi, budaya dan sositeknologi.*

Setiadi, A. (2016). Pemanfaatan media sosial untuk efektifitas komunikasi. *Cakrawala: Jurnal Humaniora Bina Sarana Informatika*, 16(2).

Suryanto (2018). *Kapita Selekta Komunikasi.*

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2022), "Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam", *Jurnal Usuluddin* 50 (1) 2022: 73-96.

Usman, F. (2016). Efektivitas Penggunaan Media Online Sebagai Sarana Dakwah. *Jurnal Ekonomi Dan Dakwah Islam (Al-Tsiqoh)*, 1(1), 1-8.

Wahyudin, U., & El Karimah, K. (2017). Etika Komunikasi di Media Sosial. *Prosiding Komunikasi*, 1(2).

Zainab Zakirah Abdul Halim, Dania Salsabila Azmi, Nurazmallail Marni (2019), "Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam", *Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM*, p. 001-016.